

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
PADA PEMBUKAAN MESYUARAT PENOLONG
PEGAWAI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI
MAKTAB PERGURUAN **BAHASA** KUALA
LUMPUR PADA **11HB** NOVEMBER, 1960

Saya merasa sangat sukacita dan besar hati pada hari ini kerana dapat berjumpa dengan tuan-tuan semua yang telah datang berhimpun di Kuala Lumpur dari seluruh Persekutuan Tanah Melayu untuk menghadiri Persidangan ini yang diadakan khas bagi Penolong-penolong Pegawai Kemajuan Luar Bandar.

Saya telah pernah jumpa dengan kebanyakan dari tuan-tuan dalam masa saya melawat ke Jajahan-jajahan, tetapi perjumpaan itu ialah dengan cara perseorangan. Oleh sebab itu apakala saya balik dari lawatan-lawatan itu, saya telah meminta Pengerusi RIDA¹ supaya menganjurkan Persidangan ini untuk memberi peluang kepada tuan-tuan semua berkumpul di Kuala Lumpur ini dan bertukar-tukar fikiran antara satu sama lain, dan jua memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Kementerian dan Ketua RIDA memberi penerangan dengan jelas dan terang akan dasar negara (kebangsaan) kita berkait dengan Pembangunan Luar Bandar. Saya juga berharap moga-moga dengan peluang yang diberikan kepada tuan-tuan ini, maka tuan-tuan akan dapat faham dengan sedalam-dalamnya akan dasar itu sedar dan mengetahui akan tujuan dan maksud Kerajaan mengadakan dasar itu, dan insaf akan peranan dan tanggungjawab yang amat mustahak yang diamanahkan kepada tuan-tuan dalam kerja-kerja melaksanakan Rancangan Pembangunan Luar Bandar bagi negara kita ini.

Oleh itu saya suka pertama sekali menarik perhatian tuan-tuan kepada apa yang dicita-citakan oleh Kerajaan dari tindakannya melancarkan Rancangan Kemajuan atau Pembangunan Luar Bandar itu.

1 Rural Industrial Development Authority.



Tun Abdul Razak sedang memberi ucapan di Majlis Pembukaan Persidangan Penolong Pegawai Pembangunan Luar Bandar, Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur pada 11hb November, 1960.

Setelah itu saya akan menerangkan pula dengan sehabis-habis ringkas, setakat manakah kita telah berjaya menjalankan Rancangan ini; dan akhirnya sekali saya akan terangkan perkara-perkara yang besar dalam dasar itu yang saya mengarahkan RIDA supaya menjalankannya dalam Kemajuan Luar Bandar itu dan peranan yang saya harap tiap-tiap seorang daripada tuan-tuan akan mengambalnya kerana melaksanakan dasar dan tujuan rancangan Kebangsaan kita ini.

Apakah dia tujuan Pembangunan Luar Bandar? Apakah tujuan yang dicita-citakan dari tindakan memajukan kawasan-kawasan luar bandar? Apakah yang sebenar-benarnya kita cuba hendak laksanakan? Inilah soalan-soalan yang saya akan jawab dalam ucapan saya.

Setengah-tengah negeri-negeri yang baru mencapai kemerdekaan memulakan kemajuan Negara dengan menumpukan tenaganya di kawasan-kawasan bandar dan membiarkan kawasan-kawasan luar bandarnya tertinggal dengan tidak ada sebarang rancangan atau susunan. Mereka biarkan kawasan-kawasan luar bandar kepada nasibnya sendiri.

Sebaliknya kita di Tanah Melayu sekarang ada mempunyai rancangan-rancangan yang bolehlah diibaratkan sebagai parang yang bermata dua untuk menebas jalan menuju ke hala kemajuan, kemajuan dalam bandar-bandar; dan kemajuan di kawasan-kawasan luar bandar.

Sebelah mata parang itu ialah Rancangan Pembangunan Luar Bandar; dan sebelah lagi ialah rancangan Perusahaan-perusahaan Perintis dan Kemajuan Perusahaan (Industrial Development).

Boleh jadi mata parang untuk menebas jalan yang menuju kepada Pembangunan Kawasan-kawasan Luar Bandar itu lebih tajam, tetapi ini tidaklah bererti yang mata parang yang menebas jalan menuju kepada kemajuan perusahaan itu atau industrial development tidak sama tajamnya dan saya percaya sahabat saya Encik Khir Johari, Menteri Perniagaan dan Perusahaan, akan berkata bahawa mata parang bagi Rancangan Perusahaannya itu sama tajamnya.

Oleh yang demikian, pembangunan kawasan-kawasan luar bandar itu adalah mara ke hadapan bersaing-saingan, bahu-

membahu dengan kemajuan Perniagaan dan Perusahaan, dan kedua-dua usaha ini akan bersama-sama menimbulkan kemajuan iktisad bagi negara kita.

Dan lagi kita dapat saksikan dalam setengah-setengah negeri lain yang telah menjalankan rancangan pembangunannya, bahawa kerja pembangunan mereka sebenarnya terhenti setakat perenggan kawasan bandaran bagi bandar-bandar mereka yang besar-besar dan pusat-pusat perusahaan, dan jika kita pergi keluar dari perenggan-perenggan kawasan bandaran itu dalam sebatu atau lebih maka kita dapat keadaan-keadaan kehidupan yang miskin dan kesihatan yang kurang baik.

Maka adalah menjadi cita-cita kita yang kejadian ini tidak akan berlaku di Tanah Melayu.

Di negeri kita ini kita berkehendak supaya kawasan-kawasan bandar dan luar bandar itu sama-sama beroleh kemajuan. Apakala darjah kehidupan di bandar-bandar menjadi bertambah baik hasil dari kemajuan dan kemakmuran, maka hendaklah juga faedah dari kemakmuran itu dapat dirasa oleh orang-orang yang duduk di kawasan-kawasan luar bandar.

Dari semenjak mencapai kemerdekaannya, Persekutuan Tanah Melayu telah banyak beroleh kemajuan, dan sekarang negeri ini dipandang pada mata dunia sebagai salah sebuah negeri yang teguh sekali pendirian iktisadnya, dan termaju sekali di Asia.

Iniilah kedudukan negeri kita pada hari ini. Tetapi apa akan jadi di masa hadapan? Adakah Persekutuan Tanah Melayu akan menjadi sebuah negeri yang lebih baik ataupun lebih buruk untuk penduduk-penduduknya dalam masa lima atau sepuluh tahun yang akan datang?

Jawapannya bukanlah semata-mata bergantung kepada apa yang dibuat oleh Kerajaan.

Kemajuan masa hadapan bagi bangsa dan negara kita ialah satu amanah yang terletak pada tangan kita semua—Kerajaan dan rakyat jelata seterusnya.

Kerajaan boleh menyusun dan membuat rancangan-rancangan yang baik dan berfaedah; Kerajaan juga boleh menghala dan

menumpukan wang ringgit dan usahanya untuk menjamin supaya **alat-alat** pentadbiran, teknikal dan jentera-jenteranya yang lain bekerja dengan **licin** dan **ekap** bagi mendatangkan sebesar-besar faedah kepada rakyat.

Tetapi kemajuan dan pembangunan yang sebenar-benarnya bagi sesuatu bangsa itu terletak di atas rakyat negara **itu** sendiri dan di atas usaha **serta** tenaga yang mereka curahkan **dalam** kerja mereka sehari-hari.

Oleh yang demikian dasar pembangunan **luar** bandar kita itu telah dibahagikan kepada dua tingkat. Tingkatan yang **pertama** ialah tanggungan Kerajaan. Tingkatan yang kedua **ialah** tanggungjawab penduduk-penduduk luar bandar itu sendiri. Pada masa ini kita masih dalam tingkatan yang pertama **lagi** dan saya harap akan dapat **melancarkan** tingkatan yang kedua pada **awal** tahun hadapan. Pada masa itu kita akan menerangkan kepada orang-orang kampung dengan melalui saluran-saluran seperti "Kemajuan Masyarakat, Pelajaran Dewasa dan "dengan Iain-lain perantaraan, tentang bagaimana mereka sendiri **boleh** menolong dalam usaha pembangunan kawasan-kawasan luar bandar itu.

Biarlah saya menerangkan satu persatu dengan secara ringkas akan tanggungan-tanggungan Kerajaan. Kerajaan **bertanggungjawab** di atas perkara-perkara seperti:

- (1) Memperbaiki pentadbiran tanah supaya orang-orang kampung boleh mendapat tanah dengan **lebih** cepat dan **lebih** adil;
- (2) Mengadakan **jalan-jalan** raya yang lebih baik supaya **mereka** lebih mudah pergi ke tanah mereka dan lebih senang **mereka** sampai ke pasar-pasar dari tanah mereka supaya mereka dapat menjual **hasil** tanaman mereka dengan lebih mudah;
- (3) Klinik-klinik dan perbekalan air yang lebih baik supaya kesihatan mereka lebih baik dan dengan itu dapat bekerja dengan lebih bertenaga di atas tanah mereka;
- (4) Parit air yang lebih baik supaya mereka akan dapat hasil yang lebih banyak dari tanah mereka;

- (5) Pembersihan **sungai dengan lebih baik** supaya tanaman-tanaman mereka tidak dimusnah oleh air bah atau runtuhan tanah;
- (6) Kemudahan-kemudahan "processing" dan pasaran yang lebih baik bagi **hasil** perusahaan tanaman mereka supaya mereka dapat keuntungan yang berpatutan dari penat **lelah** mereka;
- (7) Kemudahan-kemudahan yang lebih baik bagi kemajuan perusahaan kampung supaya mereka dapat menggunakan waktu mereka dengan lebih **berfaedah** dan menambahkan **wang** pendapatan mereka;
- (8) Sekolah-sekolah yang lebih baik untuk pelajaran anak-anak mereka;
- (9) Padang-padang permainan yang lebih baik untuk menjaga kesihatan anak-anak mereka dan di mana-mana yang dapat, diadakan bekalan api elektrik dan **talikom**, dan lain-lain lagi.

Dengan tujuan supaya segala tujuan-tujuan **kehendak-kehendak** yang besar bagi pembangunan **luar** bandar itu dapat disemak dengan sempurna, maka tiap-tiap sebuah jajahan **telah** diminta supaya **menyusun** rancangan pembangunan luar bandar jajahan mengikut bentuk yang sekarang ini dipanggil Rancangan Buku Merah.²

Kerja **menyiapkan** susunan Buku Merah sebagaimana yang telah dijalankan itu **adalah bertujuan** supaya dapat diketahui kehendak tiap-tiap sebuah Jajahan itu dan supaya dimasukkan dan dipersesuaian pula dalam rancangan bagi Negeri itu dan akhirnya sekali supaya kesemua rancangan-rancangan Negeri itu dapat dicantumkan di dalam Rancangan Kemajuan Negara bagi Lima Tahun Yang Kedua.³ Pada masa menjalankan kerja menyiasat

2 Rancangan Buku Merah **ialah** satu usaha untuk menyatukan dan **mempersembangkan** segala rancangan pembangunan **Kerajaan Persekutuan**, Negeri dan tempatan dari segi sosial dan ekonomi bagi jangka masa 5 tahun.

3 Lima Tahun Yang Kedua 1961-65.

kehendak-kehendak sesebuah jajahan itu, maka perintah-perintah dalam Buku Merah itu telah diberi kepada tiap-tiap pegawai Kerajaan yang berkenaan bahawa mereka mesti bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan bagi faedah rakyat dalam jajahan mereka.

Tingkatan yang pertama ini telah berjaya dan hampir-hampir siap, dan saya sukacita menyatakan bahawa tiap-tiap pegawai yang bekerja di peringkat jajahan dan negeri, dan termasuk tuan-tuan semua, telah membuat kerja mereka dengan cukup sempurna dan baik.

Sekarang saya berpaling kepada peranan yang dikehendaki diambil oleh RIDA dalam kerja-kerja kemajuan dalam kawasan-kawasan luar bandar. RIDA ialah suatu tangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan bagi melaksanakan rancangan pembangunan luar bandar itu RIDA adalah mempunyai tanggungjawab yang penting. Saya bertujuan hendak mengubah sedikit cara bekerja Lembaga ini dari apa yang telah dijalankan beberapa tahun yang lepas.

Sebelum ditubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, RIDA⁴ telah berjalan sebagai sebuah pejabat Kemajuan Luar Bandar dengan mempunyai banyak kerja-kerja dan tanggungan yang kesemuanya berkait dengan orang-orang kampung.

Oleh kerana Kementerian yang baru itu sekarang ini sedang perlahan-lahan mengambil kebanyakan dari kerja-kerja RIDA itu maka saya bermaksud hendak menyalurkan kerja-kerja RIDA itu semata-mata kepada tujuannya yang utama yang asal yang ditentukan pada masa RIDA mula ditubuh, iaitu kerja kemajuan perusahaan-perusahaan kampung dan pasaran kampung (rural marketing).

Jika kita hendak meninggikan darjah kehidupan orang-orang luar bandar sebagaimana yang kita cita-citakan itu, maka kita mesti buat dua perkara yang besar. Kedua-dua perkara ini adalah menjadi tanggungan RIDA pada menjalankannya:

4 Kementerian Pembangunan Luar Bandar ditubuhkan pada 17hb November, 1959 dan RIDA pada bulan Ogos, 1950.

- (1) berikhtiar dan menjaga supaya orang-orang **kampung** itu beroleh pendapatan yang berpatutan dari **hasil** usaha mereka. **Ini** bermaknalah bahawa kita mesti mengadakan kemudahan-kemudahan kerja "processing" dan pasaran bagi hasil yang keluar dari tanah mereka;
- (2) mengadakan perusahaan-perusahaan kampung secara **kecil** supaya orang-orang kampung itu dapat peluang menggunakan masa mereka dengan sebaik-baiknya **apabila** mereka tidak membuat kerja di atas tanah mereka, dan dengan itu **dapatlah** ditambahkan pendapatan mereka dan meninggikan **darjah** kehidupan mereka.

Inilah kerja-kerja yang tuan-tuan **dikehendaki** menjalankannya di dalam kerja tuan-tuan pada setiap hari sebagai Penolong Pegawai Kemajuan Kampung.

Tuan-tuan akan diberi segala peluang untuk mendapatkan beberapa banyak **latihan lagi** untuk menolong tuan-tuan menjalankan kerja-kerja tuan-tuan itu seberapa cekap yang **boleh**.

Pada hari ini saya tidaklah **bertujuan hendak** bercakap dengan panjang **lebar** satu persatunya tentang latihan tuan-tuan itu. Hal ini akan diterangkan **oleh** orang-orang yang **lebih** mahir daripada saya dalam perkara ini.

Akan tetapi saya bertujuan hari ini menerangkan dan **bertukar-tukar** fikiran dengan tuan-tuan semua berkenaan dengan caranya tuan-tuan sekalian **dikehendaki** **menjalankan** tugas masing-masing. Yang **mustahak** sekali **ialah** semangat hendak bekerja dan perasaan hendak **menjayakan** keadaan kehidupan penduduk di kampung-kampung. Pekerjaan tuan-tuan ialah pekerjaan yang **halal** dan suci yang sebenar-benarnya memberi faedah kepada bangsa dan negara. Semangat bekerja dan semangat membina inilah yang saya kehendak tuan-tuan tanamkan di dalam dada masing-masing apabila tuan-tuan **balik** ke jajahan masing-masing untuk menjalankan kerja.

Pada masa menjalankan kerja hari-hari, kebanyakan daripada tuan-tuan sekalian tidak ada mempunyai pegawai-pegawai kanan bagi menjaga dan **mengawasi** kerja tuan-tuan itu. Oleh itu barangkali ada perasaan pada setengah-setengah daripada tuan-tuan

untuk semata-mata hendak menunggu kepada perintah apa benda yang hendak dibuat dan cara hendak membuatnya. Sikap yang semacam ini saya tidak suka sekali-kali.

Saya berkehendakkan tuan-tuan semua menggunakan akal fikiran dan dayautama sendiri dengan sepenuh-penuhnya. Ingatkan tujuan dasar pembangunan luar bandar kita dan ingatkan apa yang kita hendak jalankan. Dengan itu sentiasa gunakan akal fikiran sendiri bagi mencari jalan dan upaya bagaimana tuan-tuan boleh menggunakan tenaga dan usaha sendiri untuk memperbaiki keadaan hidup rakyat di luar bandar dalam jajahan tuan-tuan itu.

Jalankan kerja dengan penuh semangat dan perasaan tanggungjawab. Kadang-kadang tidak ada pegawai-pegawai yang kanan memperhatikan pekerjaan tuan-tuan itu, akan tetapi ingat bahawa tuan-tuan ada bertanggungjawab bukan sahaja kepada Kerajaan bahkan kepada bangsa dan negara. Bertanggungjawab bagi menggunakan tiap-tiap saat daripada masa tuan-tuan dan dikehendaki bekerja menolong dan memperbaiki keadaan hidup rakyat jelata di kampung-kampung.

Dalam pekerjaan pembangunan luar bandar itu kita berkehendakkan kehasilan. Kejayaan pekerjaan tuan-tuan itu bergantunglah kepada kehasilan yang kita dapati. Jikalau tidak ada kehasilan maka pekerjaan tuan-tuan tidaklah berjaya. Bagi mendapatkan kehasilan itu hendaklah tuan-tuan tekun di atas sesuatu perkara yang diperbuat sehingga mendapat kejayaan yang penuh.

Apabila dimulakan sesuatu rancangan itu hendaklah diperhatikan dengan tekunnya sehingga rancangan itu jaya. Saya tahu di setengah-setengah jajahan, Penolong-penolong Pegawai Kemajuan ada banyak buat rancangan di atas kertas tetapi rancangan di atas kertas itu tidak berguna melainkan di jalan dan dijayakan. Oleh itu biar pun sedikit rancangan yang diperbuat asalkan jaya. Rakyat jelata tidak suka hendak mengetahui apa rancangan-rancangan yang ada dalam file. Rakyat jelata hanyalah berkehendakkan perkara yang mereka minta itu berjaya. Jangan fikirkan kepada banyak-banyak rancangan, tetapi jayakan satu persatu. Rakyat berkehendakkan semata-mata kepada kehasilan.

Saya sendiri akan melawat ke jajahan daripada satu masa ke satu masa. Saya suka semata-mata melihatkan kehasilan rancangan. Kehasilan itu bergantunglah kepada usaha dan tenaga tuan-tuan sebagai **Penolong-penolong Pegawai Kemajuan**. Bagi menjalankan tugas ini saya suka memberi satu sahaja nasihat iaitu cubalah tuan-tuan lihat kepada Stamp yang ada pada surat-surat. **Ingat** bahawa stamp itu berguna dan berharga jika ia tetap melekat kepada surat itu sehingga surat itu sampai kepada alamat yang ditujukan. Jika tidak, stamp itu tidak berguna. Begitu juga pekerjaan tuan-tuan akan dihargai dan dipandang tinggi jikalau pekerjaan itu mendapat hasil yang dikehendaki.